

TAZKIRAH

"Kalau Ibu Ada Seratus Nyawa.."

Mus'ab bin Umair adalah antara sahabat Rasulullah saw menjadi teladan kepada umat Islam sepanjang zaman. Sebelum memeluk Islam, dia berperawakan lemah lembut, suka berpakaian kemas, mahal dan indah.

Keadaan dirinya yang mewah dan rupanya yang kacak menyebabkan Mus'ab menjadi kegilaan gadis di Makkah. Mereka sentiasa berangan-angan untuk menjadi isterinya.

Mus'ab sebenarnya adalah anak yang paling disayangi ibunya berbanding adik beradiknya yang lain. Oleh itu tidaklah menghairankan apabila ibunya begitu marah selepas mendapat tahu Mus'ab telah menganut Islam. Ibunya telah mengurung dan menyeksa Mus'ab selama beberapa hari dengan harapan dia akan meninggalkan Islam.

Bagaimanapun tindakan itu tidak sedikit pun melemahkan keyakinannya. Pujukan dan ancaman ibunya tidak berkesan. Mereka sudah habis ikhtiar lalu membebaskannya buat sementara. Sebaliknya, Mus'ab tidak jemu-jemu memujuk ibunya memeluk Islam kerana kasih pada ibunya.

Pada suatu hari Mus'ab melihat ibunya dalam keadaan pucat lesu. Dia pun bertanya sebabnya. Kata ibunya, dia telah berniat di hadapan berhala bahawa dia tidak akan makan dan minum sehingga Mus'ab meninggalkan Islamnya.

Dengarlah jawapan Mus'ab kepada ibunya : "Andaikata ibu mempunyai seratus nyawa sekalipun, dan nyawa ibu keluar satu demi satu, nescaya saya tetap tidak akan meninggalkan Islam sama sekali".

Apa lagi, lemahlah siibu mendengar jawapan sianak. Dengan jawapan tersebut juga, Mus'ab dihalau daripada rumah ibunya. Tinggallah Mus'ab bersama-sama Rasulullah dan sahabat-sahabat yang sangat daif ketika itu.

Untuk meneruskan kehidupannya, Mus'ab bekerja mencari nafkah dengan menjual kayu api. Apabila sampai berita ini kepada ibunya, dia merasa amat marah dan malu kerana kebangsawanannya telah dicemari oleh sikap Mus'ab. Adik-beradik Mus'ab juga sering menemui dan memujuknya supaya kembali menyembah berhala. Tetapi Mus'ab tetap mempertahankan keimanannya.

Ketika seksaan kaum Quraisy ke atas kaum Muslimin menjadi-jadi, Rasulullah telah mengarahkan supaya sebahagian sahabat berhijrah ke Habysah. Mus'ab turut menyertai rombongan tersebut. Sekembalinya dari Habsyah, keadaan beliau semakin berubah. Kurus kering dan berpakaian compang-camping.

Keadaan itu menimbulkan rasa sedih di dalam hati Rasulullah. Kata-kata Rasulullah mengenai Mus'ab sering disebut-sebut oleh sahabat :

"Segala puji bagi Allah yang telah menukar dunia dengan penduduknya. Sesungguhnya dahulu saya melihat Mus'ab seorang pemuda yang hidup mewah di tengah-tengah ayah bondanya yang kaya raya. Kemudian dia meninggalkan itu semua kerana cinta kepada Allah dan Rasul-Nya".

Mus'ab telah menjadi saksi kepada kita akan ketegasan mempertahankan aqidah yang tidak berbelah bagi terhadap Islam sekalipun teruji antara kasih sayang kepada ibunya dengan keimanan. Mus'ab lebih mengutamakan kehidupan Islam yang serba sederhana berbanding darjat dan kehidupan serba mewah.

Dia telah menghabiskan umurnya untuk Islam, meninggalkan kehebatan dunia, berhijrah zahir dan batin untuk mengambil kehebatan ukhrawi yang sejati sebagai bekalan akhirat.